

Tajuk Kajian

Cadangan Sistem Maklumat Berkomputer untuk Undang-undang Kecil
Bangunan Seragam 1984 dalam bentuk ilustrasi 3-dimensi dari aspek-aspek
keselamatan kebakaran. (Klausa 133 – 253)

Kajian Topikal ini dikemukakan kepada Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina,
Universiti Teknologi Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Senibina.

Oleh :

Saravanan Madhavan.

Db 998097

April 2001

ABSTRAK.

Kajian topikal ini meliputi cadangan mengadakan format baru untuk *Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984* yang hanya merangkumi aspek Kehendak-kehendak Menentang Kebakaran dan Alat-alat Kawalan kebakaran (Bahagian VII dan VIII) sahaja dalam bentuk Sistem Maklumat Berkomputer (SMB) serta mengintepretasikan maksud dalam bentuk 3D. Kajian ini akan dilakukan secara dua peringkat.

Di peringkat awal, beberapa cadangan format baru untuk UKBS akan dikemukakan berdasarkan masalah-masalah dan kekurangan yang terdapat dalam format UKBS yang sedia ada. Masalah-masalah format UKBS yang sedia ada dikenal pasti berdasarkan hasil tinjauan rencana dan kajian-kajian yang telah dibuat dan pihak yang menguatkuasakan UKBS dan penggunaanya. (termasuk Jabatan Bomba dan arkitek)

Peringkat kedua adalah mencadangkan satu SMB yang sesuai berdasarkan format baru UKBS dengan menggunakan perisian Visual Basic. Jenis perisian komputer ini dipilih adalah kerana senang dan mudah digunakan oleh semua pihak yang terlibat walaupun mereka kurang mahir menggunakan komputer secara amnya. Perisian ini juga sesuai untuk merekodkan UKBS dalam menyediakan satu rujukan berkomputer yang saling berhubung kait di antara satu klausa dengan klausa yang lain.

Kajian ini dibuat memandangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pengguna UKBS semasa merujuk dan memahami klausa klausa UKBS yang sedia ada. Pemahaman UKBS adalah amat penting dan perlu terutamanya semasa proses mereka bentuk sesebuah bangunan yang selamat dan memenuhi kehendak-kehendak menentang kebakaran. Rujukan UKBS juga adalah penting untuk mendapatkan kelulusan dan badan-badan kerajaan atau Jabatan Bomba. Oleh yang demikian, ilustrasi gambar 3D dicadangkan untuk pemahaman yang lebih jelas lagi.

Dalam zaman moden ini, selaras dengan perkembangan Sistem Teknologi Maklumat yang menunjukkan potensi untuk menggunakan SMB dan ilustrasi 3D dalam merekodkan klausa-klausa UKBS sebagai sumber rujukan untuk masa akan datang yang berautomasi. Kajian ini adalah untuk menghasilkan satu cadangan SMB untuk format baru UKBS yang dapat digunakan oleh semua pihak yang terlibat dengan mudah dan cepat.